

Keistimewaan 10 Zulhijjah dan amalan yang dituntut padanya

Zulhijjah merupakan bulan hijri yang di dalamnya terdapat banyak keistimewaan. Bulan ini memiliki banyak keutamaan kerana terdapat banyak ibadah yang disunnahkan untuk diamalkan oleh umat Islam. Di antara amalan yang utama dianjurkan pada bulan ini ialah mengerjakan ibadah haji bagi mereka yang mampu menunaikannya; Selain itu pelbagai ibadah lain turut digalakkan dilaksanakan padanya seperti solat Aidil Adha, ibadah korban, berpuasa, bersedekah dan sebagainya.

Keistimewaan tersebut jelas terungkap apabila Rasulullah SAW bersabda sepertimana berikut::

ما من أيام العمل الصالح فيهن أحب إلى الله من هذه الأيام العشر. قالوا ولا الجهاد في سبيل الله؟ قال: ولا الجهاد في سبيل الله إلا رجل خرج بنفسه وماله (ولم يرجع من ذلك بشيء). (رواه البخاري)

“Tidak ada hari yang amal solehnya adalah lebih dicintai oleh Allah daripada hari-hari yang sepuluh ini (10 awal Zulhijjah). Para sahabat bertanya: Adakah lebih baik daripada jihad fii sabilillaah? Rasulullah bersabda: Ya. Lebih baik daripada jihad fii sabilillaah, kecuali seseorang yang keluar berjihad dengan harta dan jiwa raganya kemudian dia tidak kembali lagi (mati syahid).” (Riwayat al Imam al Bukhari)

Dalam hadis lain pula Rasulullah SAW menggalakan agar umat Islam memperbanyakkan tahlil, takbir dan tahmid:

عن ابن عمر رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : ما من أيام أعظم ولا أحب إلى الله العمل فيهن من هذه الأيام العشر فأكثرُوا فيهن من التهليل والتكبير والتحميد

“Dari Umar RA Rasulullah SAW bersabda : Tidak ada hari yang paling agung dan paling disukai oleh Allah untuk berbuat kebajikan di dalamnya melainkan pada sepuluh hari (Zulhijjah). Maka perbanyakkanlah pada saat itu tahlil, takbir dan tahmid”. (Riwayat al Imam Ahmad)

Bertitik tolak daripada hadis-hadis tersebut, berikut adalah keistimewaan–keistimewaan bulan Zulhijjah yang disenaraikan oleh alim ulama:

1. Islam disempurnakan oleh Allah pada bulan Zulhijjah.

Allah berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan telah Aku sempurnakan nikmat-Ku atas kamu, dan Aku telah meredhai Islam itu agama bagi kamu.” (al Maidah: ayat 3)

Para ulama sepakat bahwa ayat itu turun di bulan Zulhijjah iaitu ketika haji wada’ di hari Arafah. Hal ini berdasarkan *atsar* dari Saidina Umar bin Al Khattab RA, bahwasanya seorang Yahudi berkata kepadanya:

“Wahai Amiirul Mu’miniin, tahukah engkau satu ayat dalam kitab suci yang kamu baca, yang jika seandainya ayat itu turun kepada kami maka kami akan jadikan hari turunnya ayat tersebut sebagai hari raya.” Umar berkata, “Ayat apakah itu?” Yahudi itu membacakan ayat tersebut, “Al yauma akmaltu lakum....” Umar pun berkata, “Sungguh kami telah mengetahui di mana dan bila ayat itu turun. Ayat itu turun pada saat Nabi sedang berada di padang Arafah di hari Jumaat.” (Riwayat al Imam al-Bukhari)

2. Puasa Hari Arafah

Di dalam bulan Zulhijjah ada satu hari yang sangat diagungkan, iaitu hari Arafah. Pada hari tersebut disunnahkan bagi yang tidak sedang melaksanakan haji untuk melakukan puasa. Kelebihan puasa hari Arafah amatlah besar iaitu ianya dapat menggugurkan dosa-dosa selama dua tahun. Menurut hadis pahala puasa hari Arafah (9 Zulhijjah) lebih afdhal daripada pahala puasa Asyura (10 Al Muharram).

Rasulullah SAW bersabda:

صوم عاشوراء يكفر السنة الماضية وصوم عرفة يكفر السنتين الماضية والمستقبلية

“Puasa Asyura dapat menghapuskan dosa setahun yang lalu, dan puasa Arafah itu dapat menghapuskan dosa selama dua tahun, setahun yang lalu dan setahun yang akan datang.” (Riwayat al Imam An-Nasaa’i)

Oleh itu, puasa hari Arafah termasuk keistimewaan bagi umat Islam, berbeza halnya dengan puasa hari Asyura. Oleh kerana kelebihan Rasulullah SAW, Allah telah melipatgandakan penghapusan dosa dalam puasa Arafah dua kali ganda lebih besar daripada puasa Asyura.

3. Darah-darah binatang korban ditumpahkan di bulan Zulhijjah

Rasulullah SAW bersabda:

أفضل الحج العج والثج

“Sebaik-baik pelaksanaan haji adalah yang paling banyak bertalbiyah dan yang paling banyak berhadyu (menyembelih binatang sebagai hadiah untuk fakir miskin).” (Riwayat al Imam Abu Ya’la, An-Nasaa’i, al-Haakim dan al-Baihaqi)

Oleh kerana itu selain dikenali dengan bulan haji bulan Zulhijjah juga disebut sebagai bulan korban, kerana banyaknya binatang korban yang disembelih pada bulan ini.

4. Zulhijjah bulan Puncak Pelaksanaan Ibadah Haji

Di hari Arafah, umat Islam yang datang dari seluruh pelusuk dunia adalah untuk melaksanakan ibadah haji. Mereka berkumpul di padang Arafah demi melakukan proses puncak pelaksanaan manasik haji iaitu berwukuf di Arafah.

Amalan-amalan yang digalakkan di bulan Zulhijjah

Kerana banyaknya keistimewaan bulan Zulhijjah maka diisytiharkan untuk beramal saleh dan dijanjikan dengan diberi ganjaran yang luar biasa. Di antara amal-amal tersebut adalah sebagai berikut:

1. Zikir atau Mengingati Allah

Allah berfirman:

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ

“Supaya mereka menyaksikan berbagai manfaat dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari-hari yang telah ditentukan...” (al Hajj: 28)

Ibnu ‘Abbas RA berkata, ***“Hari-hari yang telah ditentukan adalah 10 hari pertama bulan Zulhijjah.”***

Jenis Zikir yang lebih diutamakan di hari-hari yang sepuluh ini adalah memperbanyak takbir, tahlil dan tahmid.

Rasulullah SAW bersabda:

فَاكْثُرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ

“Maka perbanyaklah di hari-hari tersebut dengan tahlil, takbir, dan tahmid.” (Riwayat al-Imam Ahmad)

Bukan hanya dilakukan di masjid atau di rumah, namun berzikir ini boleh dilakukan di mana dan bila-bila saja. Bahkan para Sahabat Nabi sengaja melakukannya di tempat-tempat keramaian seperti pasar.

Al-Imam al-Bukhari berkata:

وكان ابن عمر، وأبو هريرة يخرجان إلى السوق في أيام العشر، فيكبران ويكبر الناس بتكبيرهما

“Ibnu Umar dan Abu Hurairah ketika keluar ke pasar-pasar pada sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah; mereka bertakbir, dan orang-orang pun ikut bertakbir kerana mendengar takbir dari mereka berdua”

2. Berpuasa

Berpuasa termasuk amal soleh yang sangat disukai oleh Allah. Adalah amat digalakkan menunaikan ibadah puasa pada hari Arafah iaitu pada tarikh 9 Zulhijjah, Umat Islam juga digalakkan untuk memperbanyak puasa di hari-hari sebelumnya (dari 1 sampai ke 8 Zulhijjah) berdasarkan keumuman nas-nas hadits tentang keutamaan berpuasa.

Rasulullah SAW bersabda:

والذي نفسي بيده لخلوف فم الصائم أطيب عند الله من ريح المسك

“Demi zat yang jiwaku berada di tangan-Nya, sungguh bau mulut orang yang berpuasa itu lebih wangi di sisi Allah daripada wangi minyak kasturi.” (Muttafaqun ‘alaih)

3. Membaca Al Qur’an

Rasulullah SAW bersabda:

القرآن أفضل الذكر

“al-Qur’an adalah sebaik-baik zikir.” (Riwayat al-Imam Ibnu Khuzaimah)

Adalah hal yang sangat dituntut kita membaca al-Quran disepanjang hari tersebut terutama pada waktu malamnya. Ini kerana membaca al-Quran pada waktu malam lebih afdal dari waktu siang, namun jika dalam waktu 10 hari tersebut, kita dapat mengkhatamkan bacaan Al Qur’an adalah lebih baik.

4. Bersedekah atau berinfaq

Bersedekah merupakan cita-cita manusia sebelum mati. Di dalam al Quran Allah merakamkan peristiwa tersebut yang menunjukkan bersedekah itu adalah cita-cita seorang yang sudah melihat ajalnya di depan mata, bahwa jika ajalnya ditangguhkan sebentar saja, maka kesempatan itu akan digunakan untuk bersedekah.

Allah berfirman menceritakan saat-saat seseorang menjelang ajalnya:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَّ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ

“Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu; lalu ia berkata: “Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkanu sampai waktu yang dekat, sehingga aku dapat bersedekah dan aku termasuk dari kalangan orang-orang yang soleh.” (al-Munaafiqun: 10)

5. Menyembelih binatang korban

Allah berfirman:

فصل لربك وانحر

“Maka shalatlah kamu untuk Tuhanmu dan berkorbanlah!” (al- Kautsar: 2)

Menyembelih binatang korban adalah ibadah yang disyar’atkan setahun sekali dan dilaksanakan pada bulan Zulhijjah iaitu pada 10, 11, 12 dan 13)

Rasulullaah SAW bersabda:

من صلى صلاتنا، ونسك نسكنا، فقد أصاب النسك. ومن نسك قبل الصلاة فلا نسك له

“Barangsiapa yang solat seperti kita solat, dan berkorban seperti kita berkorban, maka sungguh dia telah mengerjakan korban dengan sebenarnya. Dan barangsiapa yang menyembelih korbannya sebelum solat ‘Aidil Adh-ha, maka sembelihan korbannya tidak sah.” (Riwayat al-Imam al-Bukhari)

Ini menunjukkan bahawa ibadah korban itu merupakan kekhususan dan syiar yang hanya terdapat di dalam bulan Zulhijjah sahaja.

Allah berfirman:

الحج أشهر معلومات

“Haji itu pada bulan-bulan yang tertentu.” (al-Baqarah: 197)

Yang dimaksudkan dengan haji dalam ayat di atas adalah ihram untuk haji hanya boleh dilaksanakan dalam bulan-bulan yang sudah ditentukan, iaitu: Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah. Selain bulan-bulan tersebut, maka ihram seseorang untuk haji tidak sah.

Sekian.

